

Kertas Bil. 29/2024



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI ISU TANAH
ORANG ASLI HULU SEMENYIH DI KAMPUNG
KACHAU DALAM YANG DIBERI MILIK KEPADA
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN HULU LANGAT
SELATAN (PPKHLS)**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
MENGENAI ISU TANAH ORANG ASLI HULU SEMENYIH DI KAMPUNG KACHAU
DALAM YANG DIBERI MILIK KEPADA PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN HULU
LANGAT SELATAN (PPKHLs)**

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Perkara 68A (1) – (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) dan Perkara 68 (2) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor yang terpakai untuk JP-PADAT dan Perkara 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Kelima Belas Tahun 2024 pada 15 November 2024, 18 November 2024 - 22 November 2024 dan 25 November 2024 - 28 November 2024.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) dibentuk di bawah peruntukan perkara 68A Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor untuk meneliti isu-isu yang berkaitan dengan pejabat daerah dan tanah di Negeri Selangor.
- 2.2. Dalam mesyuarat JP-PADAT bilangan 1/2024 pada 17hb Januari 2024, Jawatankuasa telah bersetuju untuk menyiasat isu tanah Orang Asli Hulu Semenyih di PT.1517 Mukim Ulu Semenyih, Daerah Hulu Langat, juga dikenali sebagai Kampung Kachau Dalam, yang telah diberi milik kepada Pertubuhan Peladang Kawasan Hulu Langat Selatan (selepas ini dirujuk sebagai PPK).
- 2.3. Jawatankuasa telah mengadakan lawatan ke Kampung Kachau Dalam, Semenyih pada 19hb Mac 2024 jam 10 pagi untuk mendengar keterangan dari wakil-wakil komuniti Orang Asli yang tinggal di lokasi ini. Pendengaran ini dihadiri bersama oleh wakil-wakil dari Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat (PDTHL) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).
- 2.4. Jawatankuasa kemudiannya pada hari yang sama, pada jam 12 tengahari, hadir ke Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat untuk mendengar keterangan dari wakil-wakil PPK. Pendengaran ini juga turut dihadiri bersama oleh pihak PDTHL dan JAKOA.
- 2.5. Pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) juga telah dipanggil dalam mesyuarat JP-PADAT Bil. 3/2024 yang bertarikh 27 Ogos 2024 untuk

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
MENGENAI ISU TANAH ORANG ASLI HULU SEMENYIH DI KAMPUNG KACHAU
DALAM YANG DIBERI MILIK KEPADA PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN HULU
LANGAT SELATAN (PPKHLS)**

memberikan taklimat mengenai beberapa isu, termasuklah cabaran yang dihadapi dalam proses pewartaan kampung Orang Asli.

2.6. Ahli-ahli Jawatankuasa yang terlibat adalah:

2.6.1.	YB Datuk Wira Johan Bin Abdul Aziz (N23 Dusun Tua)	Pengerusi
2.6.2.	YB Puan Nurul Syazwani Binti Noh (N9 Permatang)	Ahli
2.6.3.	YB Tuan Chua Wei Kiat (N14 Rawang)	Ahli
2.6.4.	YB Puan Wong Siew Ki (N28 Seri Kembangan)	Ahli
2.6.5.	YB Tuan Danial Al-Rashid Bin Haron Aminar Rashid (N41 Batu Tiga)	Ahli
2.6.6.	YB Tuan Noor Najhan Bin Mohamad Salleh (N43 Sementa)	Ahli
2.6.7.	YB Tuan Rosnizan Bin Ahmad (N53 Morib)	Ahli

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
MENGENAI ISU TANAH ORANG ASLI HULU SEMENYIH DI KAMPUNG KACHAU
DALAM YANG DIBERI MILIK KEPADA PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN HULU
LANGAT SELATAN (PPKHLS)**

3. KETERANGAN

**3.1. PERBINCANGAN DI SURAU KAMPUNG KACHAU DALAM BERSAMA
WARGA ORANG ASLI KACHAU DALAM, PEJABAT DAERAH DAN TANAH
HULU LANGAT DAN JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)**

3.1.1. Tanah yang terlibat adalah sebidang tanah dengan nombor Hakmilik HSD 69842 PT 1517 di Mukim Ulu Semenyih. Tanah ini berkeluasan 25.5 hektar dan didaftarkan pada 10hb Julai 2002. Lot asal tanah ini adalah berkeluasan 58.65 hektar.

3.1.2. MMKN Bil. 8/2000 bertarikh 5 Mac 2020 telah meluluskan permohonan untuk memberi milik tanah sebanyak 25.5 hektar kepada PPKHLS dan memberikan Lesen Pendudukan Sementara (LMS) bagi tanah berkeluasan 20.24 hektar kepada Permatang Unggul Sdn. Bhd.

3.1.3. Semasa mesyuarat Persempadanan Tanah Hakmilik PPKHLS (PT1517) dan Tanah LMS milik Permatang Unggul Sdn. Bhd (Lot 1440) bertarikh 16hb April 2004, wakil Jabatan Orang Asli telah menyatakan yang terdapat 14 buah rumah kediaman Orang Asli di atas tanah PPKHLS yang telah tinggal di situ sejak 30 tahun yang lepas.

Mesyuarat mencadangkan supaya Orang Asli dipindahkan ke suatu tempat lain yang dibina semula secara tersusun dengan kemudahan infrastruktur seperti jalan, bekalan elektrik dan air, dan kemudahan-kemudahan lain.

3.1.4. Jabatan Orang Asli bersetuju dengan cadangan namun meminta penangguhan pelaksanaan cadangan ini untuk berbincang dahulu dengan penduduk. Jabatan Orang Asli juga akan mengemukakan pelan kawasan dan keluasan.

3.1.5. Pihak Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat telah memaklumkan bahawa permohonan JAKOA untuk mewartakan tanah Kampung Kachau Dalam ditolak dan pihak Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) adalah pemilih sah di sisi undang - undang dan telah membayar

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
MENGENAI ISU TANAH ORANG ASLI HULU SEMENYIH DI KAMPUNG KACHAU
DALAM YANG DIBERI MILIK KEPADA PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN HULU
LANGAT SELATAN (PPKHS)**

premium tanah. Pihak Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat berharap agar isu ini dapat diselesaikan.

- 3.1.6. Pihak JAKOA memaklumkan bahawa isu pewartaan tanah Kampung Kachau Dalam berpanjangan lama dan harap agar isu ini dapat diselesaikan. Menurut, pihak JAKOA, sekitar 40 ekar tanah Kampung tersebut telah diberikan kepada pihak Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) walaupun kampung tersebut memang diduduki oleh warga Orang Asli Kampung Kachau Dalam. Pada tahun 2017, pemberian pampasan telah ditawarkan kepada warga Orang Asli Kampung Kachau Dalam namun begitu mereka menolak tawaran tersebut kerana tidak mahu meninggalkan kampung tersebut.
- 3.1.7. Warga Orang Asli Kampung Kachau Dalam memaklumkan bahawa mereka hanya ingin menetap di Kampung Kachau Dalam dan tidak mahu berpindah ke tempat lain. Sebanyak 46 rumah dan sekitar 159 orang tinggal di kampung tersebut. Warga kampung tersebut juga berharap agar isu pewartaan tanah kampung itu dapat diselesaikan dengan cepat kerana isu tersebut berlarutan lama.
- 3.1.8. Pihak JAKOA memaklumkan bahawa terdapat tiga belas (13) buah kampung Orang Asli lagi di Selangor yang berhadapan dengan masalah pertindihan hak milik dengan pihak/ agensi lain. Selain itu, hanya 32 tanah kampung Orang Asli yang diwartakan di negeri Selangor.
- 3.1.9. Tok Batin, Kampung Orang Asli Kachau Dalam menyatakan bahawa komuniti Orang Asli tempatan telah menetap di lokasi ini sejak berpuluh tahun yang lepas.
- 3.1.10. Komuniti Orang Asli Kampung Kachau Dalam tidak berminat untuk dipindahkan ke tempat lain.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
MENGENAI ISU TANAH ORANG ASLI HULU SEMENYIH DI KAMPUNG KACHAU
DALAM YANG DIBERI MILIK KEPADA PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN HULU
LANGAT SELATAN (PPKHLs)**

3.2. PERBINCANGAN DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH HULU LANGAT

- 3.2.1. Pihak Pertubuhan Peladang Kecil Hulu Langat Selatan (PPK) telah memberikan taklimat dengan membentangkan slaid yang disediakan oleh pihak mereka. Pihak PPK memaklumkan bahawa pada tahun 2000, sebanyak 63 ekar tanah dianugerahkan kepada mereka untuk memajukan tanah tersebut.
- 3.2.2. Pihak PPK menjelaskan bahawa mereka telah mencuba untuk memajukan tanah tapi tidak berjaya disebabkan gangguan daripada penduduk Orang Asli di situ. Justeru, pihak mereka mengalami kerugian kerana telah mengeluarkan modal untuk memajukan tanah tersebut.
- 3.2.3. Pada 29 Januari 2024, pihak PPK telah mengambil keputusan untuk memohon mendapatkan pampasan atau gantian tanah daripada Kerajaan Negeri Selangor. Pihak PPK juga berharap isu ini dapat diselesaikan. Pihak PPK terbuka untuk menerima tanah gantian di mana sahaja di Selangor.
- 3.2.4. Pihak JAKOA maklumkan bahawa warga Orang Asli Kampung Kachau Dalam sudah lama menduduki tanah tersebut. Permohonan pewartaan dibuat sebanyak tiga (3) kali iaitu pada tahun 2001, 2005 dan 2019 dan semua permohonan tersebut ditolak.
- 3.2.5. Terdapat sebanyak 42 kampung Orang Asli di Selangor yang masih belum diwartakan dan pihak JAKOA maklumkan bahawa permohonan pewartaan telah dibuat.
- 3.2.6. Pihak JAKOA juga menjelaskan bahawa geran individu tidak akan diberikan kepada warga Orang Asli malahan mereka hanya akan dimaklumkan bahawa tanah tersebut diwartakan. Jawatankuasa mencadangkan agar geran individu diberikan kepada mereka agar mereka mengetahui luas kawasan mereka. Selain itu, jawatankuasa maklumkan bahawa pelan perancangan tanah perlu ada agar mereka mengetahui kawasan mereka.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
MENGENAI ISU TANAH ORANG ASLI HULU SEMENYIH DI KAMPUNG KACHAU
DALAM YANG DIBERI MILIK KEPADA PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN HULU
LANGAT SELATAN (PPKHLS)**

**4. MAKLUMAT TAMBAHAN DARIPADA JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI
(JAKOA)**

4.1. Pihak JAKOA telah memberikan maklumat tambahan kepada JP-PADAT mengenai isu pewartaan Kampung Orang Asli. Senarai maklumat tambahan yang diberikan adalah seperti berikut (**Lampiran B**) :

4.1.1. Kronologi isu pemilikan tanah di Kampung Orang Asli (KOA) Kachau Dalam;

4.1.2. Data Pewartaan Kampung Orang Asli Selangor sehingga 29hb Mac 2014;

4.1.3. Isu-isu pewartaan Kampung Orang Asli.

**5. MAKLUMAT TAMBAHAN DARI PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI
SELANGOR (PTGS)**

5.1. PTGS memaklumkan yang proses pelaksanaan pewartaan kampung-kampung Orang Asli yang lain masih tertunggak atas beberapa sebab, antaranya:

5.1.1. kekangan proses mengukur sempadan tanah;

5.1.2. pertindihan hakmilik yang telah diberikan PBN; dan

5.1.3. kegagalan proses rundingan di antara penduduk dan pemilik tanah.

6. PENEMUAN JAWATANKUASA

6.1. Jawatankuasa mendapati bahawa terdapat pertindihan tuntutan terhadap tanah yang telah diserahkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan Hulu Langat Selatan.

6.2. Tanah ini diserahkan kepada PPKHLS walaupun terdapat pengetahuan bahawa terdapat perkampungan Orang Asli yang belum diwartakan di tapak tersebut dengan rancangan untuk memindahkan komuniti Orang Asli ke

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
MENGENAI ISU TANAH ORANG ASLI HULU SEMENYIH DI KAMPUNG KACHAU
DALAM YANG DIBERI MILIK KEPADA PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN HULU
LANGAT SELATAN (PPKHLS)**

tempat yang lain. Proses pewartaan kampung Orang Asli ini belum bermula semasa MMKN memutuskan untuk menyerah milik tanah ini.

- 6.3. Rancangan pemindahan Orang Asli tidak dilaksanakan dan populasi komuniti Orang Asli di Kampung Kachau Dalam terus berkembang dengan peredaran masa, menyukarkan sebarang cadangan pemindahan baharu.
- 6.4. Pertubuhan Peladang Kawasan Hulu Langat Selatan berharap untuk melupuskan tanah yang tidak dapat diusahakan oleh mereka ini.
- 6.5. PPKHLS terbuka untuk melepaskan hakmiliknya dengan syarat mereka diberikan tanah yang lain di mana-mana kawasan dalam negeri Selangor yang setara nilainya.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
MENGENAI ISU TANAH ORANG ASLI HULU SEMENYIH DI KAMPUNG KACHAU
DALAM YANG DIBERI MILIK KEPADA PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN HULU
LANGAT SELATAN (PPKHLS)**

7. SARANAN JAWATANKUASA

- 7.1. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengenalpasti mana-mana tanah dalam negeri Selangor yang serupa dari segi keluasan, sifat, syarat guna tanah, dan nilai dengan tanah yang dimiliki PPK untuk diberikan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan Hulu Langat Selatan sebagai ganti.
- 7.2. Jawatankuasa menggesa Kerajaan Negeri Selangor bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untukewartakan kampung-kampung Orang Asli di Negeri Selangor terutamanya Kampung Kachau Dalam.
- 7.3. Jawatankuasa menggesa pihak JAKOA Selangor untuk mempercepatkan dan memperkemaskan proses pewartaan kampung-kampung Orang Asli yang telah dikenal pasti tetapi belum diwartakan untuk mengelakkan kejadian seperti di Kampung Kachau Dalam dari berulang. Jawatankuasa juga menyarankan pihak JAKOA agar menetapkan satu garis masa untukewartakan kampung-kampung Orang Asli agar tidak mengambil masa yang lama.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
MENGENAI ISU TANAH ORANG ASLI HULU SEMENYIH DI KAMPUNG KACHAU
DALAM YANG DIBERI MILIK KEPADA PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN HULU
LANGAT SELATAN (PPKHLS)**


8. PERAKUAN

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua wakil agensi / individu yang telah mengemukakan keterangan serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini.

Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincang dan diluluskan oleh dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) Bil. 4/2024 pada 20 September 2024.

Disahkan oleh:



.....

YB Datuk Wira Johan Bin Abd Aziz

Pengerusi

Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT)

Dewan Negeri Selangor

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
MENGENAI ISU TANAH ORANG ASLI HULU SEMENYIH DI KAMPUNG KACHAU
DALAM YANG DIBERI MILIK KEPADA PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN HULU
LANGAT SELATAN (PPKHLS)**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT):

- | | |
|--|-----------|
| 1) YB Datuk Wira Johan Bin Abdul Aziz
(N23 Dusun Tua) | Pengerusi |
| 2) YB Puan Nurul Syazwani Binti Noh
(N9 Permatang) | Ahli |
| 3) YB Tuan Chua Wei Kiat
(N14 Rawang) | Ahli |
| 4) YB Puan Wong Siew Ki
(N28 Seri Kembangan) | Ahli |
| 5) YB Tuan Danial Al-Rashid Bin Haron Aminar Rashid
(N41 Batu Tiga) | Ahli |
| 6) YB Tuan Noor Najhan Bin Mohamad Salleh
(N43 Sementa) | Ahli |
| 7) YB Tuan Rosnizan Bin Ahmad
(N53 Morib) | Ahli |

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
MENGENAI ISU TANAH ORANG ASLI HULU SEMENYIH DI KAMPUNG KACHAU
DALAM YANG DIBERI MILIK KEPADA PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN HULU
LANGAT SELATAN (PPKHLS)**

URUS SETIA

- | | | |
|----|--|-----------------------------|
| 1) | Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar | Setiausaha Bahagian (Dewan) |
| 2) | Encik Ahmad Fuad Hilmi bin Muhamad | Penolong Setiausaha (Dewan) |
| 3) | Puan Nurul Liana Binti Musa | Penolong Pegawai Tadbir |
| 4) | Encik Ahmad Faiz Bin Mustafa Amirrudin | Pegawai Penyelidik Kanan |
| 5) | Cik Sarmila A/P A.Viseinthiran | Penyelidik Pejabat Speaker |

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
MENGENAI ISU TANAH ORANG ASLI HULU SEMENYIH DI KAMPUNG KACHAU
DALAM YANG DIBERI MILIK KEPADA PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN HULU
LANGAT SELATAN (PPKHLs)**

LAMPIRAN 1

Senarai saksi untuk setiap agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-

Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat

Encik Mokhzani bin Mohamad	Ketua Penolong Pegawai Daerah
Puan Nurul Izza binti Ariffin	Penolong Pegawai Daerah
Encik Abdullah Omar	Penolong Pegawai Daerah
Puan Norita binti Ngamer	Pelukis Pelan Senibina

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Encik Mohammad Anis bin Othman	Pengarah
Puan Norazila binti Zakaria	Pegawai Kemajuan Orang Asli Daerah Hulu Langat
Puan Sanisah binti Mazlan	Pegawai Hal Ehwal Tanah
Encik Muhammad Syafiq bin Wahit	Pegawai Hal Ehwal Tanah

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beranang

Dato' Annuar Idris	Pengerusi PPK Beranang
Puan Mariyani binti Bakrin	Pengurus Besar
Encik Mohd Sufi bin Kamil	Timbalan Pengurus Besar
Encik Zahidan bin Kamaruzaman	Ahli Jemaah Pengarah
Puan Ruhani	
Encik Haziq Razak	

Warga Orang Asli Kachau Dalam

Encik Ilan bin Johos	Tok Batin
Encik Zainal bin Kilong	Tok Batin
Puan Uni binti Sudah	Pengerusi

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
MENGENAI ISU TANAH ORANG ASLI HULU SEMENYIH DI KAMPUNG KACHAU
DALAM YANG DIBERI MILIK KEPADA PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN HULU
LANGAT SELATAN (PPKHLS)**

LAMPIRAN 2

Senarai lampiran yang dirujuk:

LAMPIRAN	PERKARA
A	Slaid Pertubuhan Peladang Kawasan Beranang PPK 0110
B1	Maklumat tambahan dari JAKOA – Kronologi Tanah di Kampung Orang Asli (KOA) Kachau Dalam
B2	Maklumat tambahan dari JAKOA – Data Pewartaan Kampung Orang Asli Selangor sehingga 29 Mac 2014
C	Senarai Status Ukur Tanah bagi Perkampungan Orang Asli Negeri Selangor